

07 FEB, 2021

## 15 barangan ditentukan harga maksimum

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# 15 barangan ditentukan harga maksimum



**SARIKEI:** Sebanyak 15 jenis barangan telah ditentukan harga maksimum bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2021 bagi Bahagian Sarikei.

Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarikei, Mohamad Zawawi (*gambar*) berkata, sehubungan itu, SHMMP Tahun Baharu Cina 2021 akan bermula daripada 8 Februari 2021 sehingga 16 Februari 2021 iaitu selama sembilan hari.

"Senarai barangan harga terkawal bagi SHMMP

Tahun Baru Cina 2021 ialah ayam hidup, ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagian), ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal), telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebiji), telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji), telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji), kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing), cili merah, Tomato, bawang

putih (China), ubi kentang putih (China), ikan bawal putih (berat antara 200 hingga 400 gram seekor), udang putih besar (berat antara 41 ekor hingga 60 ekor sekilogram), daging babi (perut) dan daging babi (daging dan lemak).

"Bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan dilaksanakan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga barangan bagi mengaut keuntungan yang tidak munasabah," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi satu kenyataan media, kelmarin.

Katanya, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan SHMMP ini.

"Tindakan tegas akan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum.

"Bagi kesalahan individu, boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga


RM50,000. Untuk kesalahan syarikat, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000," ujarnya.

Tambahnya, untuk kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal, individu boleh didenda sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000 dan syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

"Pegawai penguatkuasa KPDNHEP Sarikei akan sentiasa berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani, pasar raya dan kedai runcit untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan termasuk di kawasan bandar dan luar bandar.

"Langkah-langkah ini mencerminkan usaha berterusan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan.

"Pihak kita juga turut mempertingkatkan pemantauan harga melalui Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh bahagian Sarikei," katanya lagi.



07 FEB, 2021

## 15 barangan ditentukan harga maksimum

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SARIKEI: Sebanyak 15 jenis barangan telah ditentukan harga maksimum bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2021 bagi Bahagian Sarikei. Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarikei, Mohamad Zawawi (gambar) berkata, sehubungan itu, SHMMP Tahun Baharu Cina 2021 akan bermula daripada 8 Februari 2021 sehingga 16 Februari 2021 iaitu selama sembilan hari.